

23/11/1999

Apabila `ulama' mencampuradukkan agama, politik

Bakhari Ariff; Nor Afzan Yusof

APAKAH seseorang yang menghalalkan mencarut dan mengakui memperalatkan al-Quran boleh digelar ulama atau tokoh agama?

Dengan tidak ada takrifan khusus mengenai ulama yang disetujui, agak sukar untuk mengkategorikan calon ulama yang bertanding bagi kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum kesepuluh ini.

Perkataan ulama atau tokoh agama boleh ditakrifkan dalam sempadan yang longgar iaitu seseorang yang berlatar belakang pendidikan agama dan memberi tumpuan kepada sesuatu yang bersifat `agama'.

Oleh itu, lebih tepat jika mereka ini dipanggil golongan yang mempunyai latar belakang pendidikan agama Islam saja. Tidak perlulah mengangkat diri hingga ke peringkat ulama, yang biasanya dikhaskan untuk golongan yang amat mulia kedudukannya. Apa yang dibimbangkan, apabila ulama dicampur-adukkan dengan politik, ia hanya akan menyebabkan kemuliaan ulama tercemar. Apabila ulama bercakap soal politik, terlalu banyak implikasi yang akan timbul. Sekarang pun sudah banyak pertelagahan pendapat yang ditimbulkan oleh mereka yang bergelar ulama ini. Untuk menjamin nama ulama dipelihara tidak perlulah menganggap diri sebagai ulama jika mahu masuk ke gelanggang politik.

Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) membariskan beberapa tokoh yang dianggap berpendidikan agama, sebagai propaganda menggunakan Islam untuk kepentingan politik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman yang bertanding atas tiket Barisan Nasional (BN) di kawasan Parlimen Sik, Kedah; Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad (DUN Chukai) dan Datuk Dr Yusof Nor (Parlimen Besut) boleh dikategorikan sebagai ulama. Tetapi, mereka lebih ditonjolkan sebagai ahli politik walaupun pendidikan agama mereka adalah tinggi. Mereka tidak pernah mengeluarkan fatwa yang boleh memberi kesan buruk kepada agama.

Dalam Pas, Mursyidul Am parti itu, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang bertanding atas tiket Pas di DUN Cempaka dan Timbalan Presiden Pas, Hadi Awang (Parlimen Marang), juga dikategorikan sebagai ulama Pas. Tindakan mereka jelas mencampuradukkan agama dan politik. Isu mengkafirkan Umno adalah fatwa Hadi, manakala Tuhan membenarkan mencarut adalah fatwa Nik Aziz.

Muka baru daripada Umno yang boleh dikategorikan sebagai tokoh agama adalah seperti Prof Madya Dr Mohd Noor Deris yang bertanding di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa melawan penyandangannya, Nik Mohd Amar Nik Abdullah.

Datuk Ismail Kamus yang terkenal sebagai peniaga `kismis pintar' akan bertanding berlambang bulan di DUN Gombak Setia atas tiket Pas. Namun, sesetengah mempersoalkan sama ada beliau seorang ulama atau seorang peniaga yang mahu mengaut keuntungan.

Datuk Dr Harun Din yang pada mulanya disebut-sebut sebagai `ulama' yang akan bertanding melawan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kubang Pasu, akhirnya mengalah kerana sebab-sebab `kewangan' dan digantikan dengan seorang ahli jawatankuasa Pas Pusat, Subky Latif.

Ada juga pihak menganggap Datuk Dr Hasan Ali mewakili Pas yang akan menentang Datuk Mohd Aini Taib di DUN Sungai Burong sebagai ulama. Tetapi, tidak kurang juga pihak yang menganggapnya sebagai golongan profesional biasa saja.

Ulama Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) yang dulunya akrab dengan perjuangan Datuk Seri Anwar Ibrahim seperti Dr Badrul Amin bertanding atas tiket Keadilan di Parlimen Silam, Sabah, manakala Mohamad Mustapha bertanding melawan Datuk Annuar Musa di Peringat.

Takrifan longgar mengenai ulama hanya akan menyebabkan wujudnya ulama Umno, Pas dan ulama Abim dengan setiap pihak mempunyai pendapat sendiri mengenai sesuatu isu agama dan politik.

Ada juga berpendapat semua calon Pas adalah ulama, manakala calon daripada parti lain hanyalah orang biasa.

Sehubungan itu, misalnya, Ensiklopedia Nasional Indonesia yang ditulis Djohan Effendi memberi takrifan ulama sebagai seseorang yang berilmu dalam bidang tertentu seperti agama, kemanusiaan, sosial dan sains.

Bolehkah takrifan ini diterima? Jika boleh, adakah kebanyakan ilmuan boleh dikategorikan sebagai ulama?.

Begitupun seperti dalam mana-mana pilihan raya, pengundi akan memilih calon berdasarkan beberapa faktor seperti sikap dan sumbangan kepada masyarakat setempat, bukan semata-mata kepada label `ulama.' Pengundi juga akan membuat pilihan berasaskan kepada parti yang boleh menjamin kesejahteraan dan mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat. Dalam konteks ini, BN berada jauh di depan berbanding Pas dan Keadilan.

(END)